

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2001/2002

April 2002

ACW 311 - Perakaunan Korporat II

Masa: 3 jam

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1 (20 markah)

Di bawah adalah akaun P Bhd dan subsidiarinya dan A Bhd. P Bhd memperoleh 40% kepentingan dalam modal ekuiti A Bhd tiga tahun lepas apabila rizabnya pada RM40,000.

Ringkasan kunci kira-kira

	P Bhd dan subsidiari dalam RM'000	A Bhd dalam RM'000
Hartanah, kilang dan peralatan	220	170
Pelaburan dalam syarikat bersekutu pada kos	60	-
Pinjaman kepada syarikat bersekutu B Bhd	20	-
Aset semasa bersih	100	50
Pinjaman daripada syarikat Induk	-	(20)
	<u>400</u>	<u>200</u>
Modal saham (RM1 se saham)	250	100
Rizab	<u>150</u>	<u>100</u>
	<u>400</u>	<u>200</u>

Penyata Pendapatan diringkaskan

	P Bhd dan subsidiari dalam RM'000	A Bhd dalam RM'000
Untung bersih	95	80
Cukai	(35)	(30)
	60	50
Dividen dicadangkan	(50)	(10)
Untung tertahan untuk tahun ini	<u>10</u>	<u>40</u>

P Bhd telah mengambil kredit (kasar) untuk dividen belum terima daripada A Bhd.

Pada akhir tahun, P Bhd memegang inventori berjumlah RM20,000 yang dibeli daripada A Bhd. A Bhd memperolehi keuntungan RM4,000 dari jualan ini.

Dikehendaki:

Sediakan penyata kewangan disatukan untuk P Bhd termasuk nota analisis amaun angkut A Bhd dengan andaian berikut:

- (i) aset dan liabiliti sekutu pada nilai saksama
- (ii) terdapat kepentingan minoriti dalam syarikat subsidiari
- (iii) andaian cukai pada kadar 28%

[20 markah]

Soalan 2 (20 markah)

Pada Julai 1, 2000 H Bhd memperoleh, cum div, 100% entiti asing S Bhd dengan harga FC250,000 tunai. Kunci kira-kira S Bhd pada 30 Jun 2001 dan 2000 adalah:

	30 Jun 2001 (FC)	30 Jun 2002 (FC)
Aset tetap:		
Kos	150,000	150,000
Tambahan	50,000	-
Susutnilai terkumpul	(65,000)	(45,000)
Aset semasa:		
Inventori	200,000	170,000
Akaun belum terima	260,000	240,000
Tunai dan samatara	25,000	25,000
Liabiliti semasa:		
Akaun belum bayar	(95,000)	(80,000)
Percukaian	(30,000)	(15,000)
Dividen dicadangkan	(15,000)	(12,000)
Liabiliti Jangka panjang:		
Bon	<u>(120,000)</u> 360,000	<u>(130,000)</u> 300,000
Modal saham	100,000	100,000
Penyata pendapatan:		
Untung operasi	123,000	
Faedah	<u>(18,000)</u>	
Untung sebelum cukai	105,000	
Cukai	(30,000)	
Dividen dicadangkan	<u>(15,000)</u>	
Untung tertahan tahun ini	60,000	
Pada 30 Jun 2000	<u>200,000</u> <u>260,000</u> <u>360,000</u>	<u>200,000</u> <u>260,000</u> <u>300,000</u>
Kadar tukaran asing		
30 Jun 2000	FC 0.26 = RM1	
30 Jun 2001	FC 0.24 = RM1	
Purata untuk tahun berakhir 30 Jun 2001	FC 0.25 = RM1	

* Nota: FC = matawang asing

Dikehendaki:

Sediakan penyata aliran tunai untuk S Bhd untuk dimuat ke dalam penyata aliran tunai disatukan H Bhd untuk tahun berakhir 30 Jun 2001.

Soalan 3 (20 markah)

Gagal Berhad mendapat perintah mahkamah untuk ia dibubarkan pada 2 Januari 2001. Berikut adalah maklumat yang diperoleh mengenai kedudukan kewangan syarikat tersebut:

- (a) Imbangan Duga pada 2 Januari 2001

	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Modal berbayar		
50,000 Saham Biasa A, RM1 setiap satu dibayar sepenuhnya		40,000
45,000 B Saham Biasa B, RM1 setiap satu dibayar sepenuhnya		55,000
60,000 Saham keutamaan kumulatif RM1 setiap satu dibayar sepenuhnya		40,000
Premium saham		10,000
Rizab penilaian semula		20,000
6% Cagaran atas tanah dan bangunan		120,000
Untung tertahan		4,000
8% Debentur		201,000
9% Nota tidak terjamin (unsecured notes)		155,000
Cukai pendapatan belum bayar		27,000
Peruntukan untuk cuti tahunan dan perkhidmatan		166,000
Pelbagai pembiayaan		95,000
Inventori	245,000	
Bank	9,000	
Pelbagai penghutang	137,000	
Peruntukan hutang ragu		15,000
Bil belum terima	29,000	
Tanah	429,000	
Bangunan	179,000	
Susutnilai terkumpul: bangunan		58,000
Pelaburan	92,000	

- (b) Tunggakan dividen saham keutamaan RM17,000

- (c) Pentadbir pembubarannya mendapat maklumat bahawa:

- Gaji dan upah berjumlah RM19,000 masih belum dijelaskan dan tidak direkodkan sebagai liabiliti. Dari jumlah ini, RM11,000 diberi keutamaan dalam pembubarannya.
- Cukai pendapatan yang ditolak daripada gaji dan upah berjumlah RM3,000 masih belum dibayar kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri.
- Sebahagian dari jumlah yang terdapat dalam pelbagai pembiayaan termasuk RM25,000, amaun yang masih terhutang dari Telekom Malaysia.
- Dari jumlah bil belum terima, RM9,000 telah didiskaunkan dan terdapat risiko bahawa RM3,000 darinya tidak boleh dikutip.

(d) Aset dijangka akan dijual:

Inventori	RM201,000
Pelbagai penghutang	RM12,000
Bil belum terima	RM28,000
Tanah dan bangunan	RM555,000
Pelaburan	RM115,000

(e) Selepas selesainya proses pembubaran, pada 30 Jun 2001, berikut adalah maklumat tambahan yang diperoleh:

- Faedah atas cagaran terakru RM5,000
- Faedah atas debentur terakru RM6,000
- Faedah atas nota tiada cagaran RM6,000
- Kos dan bayaran kepada pentadbir pembubaran RM38,000
- Bil belum terima berjumlah RM1,000 menjadi lapuk
- Semua pembiutang dibayar mengikut amaun dilaporkan dalam Penyata Hal Ehwal
- Tanah dan bangunan direalis pada RM550,000 dan inventori dijual pada RM203,000
- Semua aset lain dijual seperti dijangkakan.

Dikehendaki:

Sediakan Penyata Hal Ehwal untuk Syarikat Gagal Sdn Bhd

[20 markah]

Soalan 4 (20 markah)

- (a) Kolam Ikan Sdn Bhd memulakan operasi menternak ikan pada 1 Januari 2001. Kolam ikan bersaiz 90,000 kaki persegi terletak di Puchong yang dipajak daripada Kerajaan Negeri untuk tempoh 20 tahun pada kos RM110,000 setiap tahun dibayar bermula pada 1 Januari 2001.

Maklumat untuk perbelanjaan sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2001 adalah seperti berikut:

	<u>RM</u>
Kos tanah	110,000
Kos pembinaan:	
Pentadbiran pejabat	11,000
Rumah ternakan	32,000
Kolam	63,000
Gaji:	
Pentadbiran dan pemasaran	17,000
Penyelia ternakan	16,000
Pekerja ternakan	17,000
Sumbangan kepada USM untuk projek penyelidikan	8,000
Baja dan ubatan	19,000
Mesin dan perkakas (diskrap selepas 2 tahun)	15,000
Inventori anak ikan:	
Kitaran pengeluaran pertama	3,500
Kitaran pengeluaran kedua	4,500
Kitaran ketiga	5,000

Maklumat tambahan:

- (1) Kitaran pengeluaran untuk tangkapan ialah selama 5 bulan
- (2) Kolam hanya boleh digunakan pada kadar 20 peratus kapasiti normal kerana masih terdapat masalah pengairan. Ini menyebabkan hasil pertama diperoleh hanya 1,500 kilogram boleh dipasarkan pada harga RM12 sekilogram. Masalah ini telah diselesaikan selepas tangkapan pertama dibuat. Tangkapan kedua berjumlah 2,500 kilogram dijual pada harga RM16 sekilogram.
- (3) Untuk kitaran ternakan ketiga, 5,500 unit anak ikan dilepaskan ke dalam kolam. Berdasarkan pengalaman lepas, dijangkakan kadar kematian ialah 40 peratus dan purata berat setiap ikan boleh dipasarkan ialah 1 kilogram.

Dikehendaki:

Kirakan nilai inventori akhir pada 31 Disember 2001 seperti mana dikehendaki oleh MAS 5 dengan mengandaikan:

- (i) harga pasaran ikan ialah RM20 sekilogram; [4 markah]
(ii) harga pasaran ikan jatuh kepada RM10 sekilogram. [6 markah]

- (b) Lekat Berhad bercadang untuk menggantikan tanaman klon G35 dengan klon G65 yang baru. Berikut adalah maklumat diperoleh:

Kos terlibat untuk Klon G65	RM'000
Pemotongan, pembersihan dan penanaman semula	1,900
Membuat jalan dan parit	500

Aset tetap dalam tempoh pra-matang (pre-mature) untuk Klon G65 ialah 3 tahun. Belanja langsung dan tidak langsung perladangan sepanjang pra-matang ialah masing-masing RM100,000 dan RM50,000. Tempoh usia guna pokok Klon G57 ialah 20 tahun. Syarikat juga membuat pinjaman jangka panjang RM2,000,000 pada kadar faedah 8% setahun untuk menampung projek penanaman semula ini. Pinjaman ini perlu dibayar sekali gus semuanya 6 tahun selepas ia dikeluarkan. Adalah menjadi dasar syarikat untuk mempermodalkan kos pinjaman.

kunci kira-kira ialah:

	RM,000
Tanah pegangan bebas pada kos	6,000
Jalan dan parit	
Utama, pada kos	4,200
Jalan pengangkutan hasil, pada kos	50
Klon G65 kos penanaman, pada kos	350
	6,500

Dikehendaki:

- (i) Sediakan akaun untuk kos pra-pungutan hasil (pre-cropping costs) Klon G65 sepanjang tempoh pra-matang serta tahun pertama tempoh matang mengikut keperluan MAS 8, dengan menunjukkan caj kepada penyata pendapatan dan persembahan dalam kunci kira-kira untuk tahun-tahun tersebut.

[5 markah]

- (ii) Jika, sepanjang tahun 5 sejumlah RM300,000 dibelanjakan atas komponen pertanian untuk meningkatkan kualiti hasil, tunjukkan petikan kunci kira-kira untuk menunjukkan belanja penanaman semula pada akhir Tahun 5.

[5 markah]

Soalan 5 (20 markah)

- (a) Anda bekerja dengan sebuah syarikat yang sedang membuat persediaan untuk menerbitkan saham kepada awam dan anda sebagai seorang akauntan diminta untuk menyediakan prospektus untuk tujuan penerbitan saham ini.

Dikehendaki:

- (i) Jelaskan maksud dan kepentingan prospektus. [3 markah]
- (ii) Huraikan perkara penting yang perlu dimuatkan di dalam sebuah prospektus. [7 markah]
- (b) (i) Huraikan contoh-contoh dalam keadaan mana arahan mahkamah boleh dikeluarkan untuk pembubaran wajib atau paksaan. [2 markah]
- (ii) Berikan langkah yang perlu diikuti jika sesebuah syarikat diwajibkan oleh mahkamah untuk ia dibubarkan. [2 markah]
- (iii) Jelaskan aturan pembayaran balik tuntutan dalam pembubaran syarikat. [2 markah]
- (iv) Huraikan peranan pentadbir (*receiver*) dalam pembubaran. [4 markah]